

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 9 JUN 2014

SOALAN :

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kakitangan yang mempunyai masalah kesihatan kritikal dengan laporan perubatan atau masalah disiplin akan diberi perlanjutan umur persaraan untuk terus berkhidmat dalam perkhidmatan awam yang mana perkara tersebut mempunyai impak ke atas produktiviti serta imej organisasi.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelanjutan umur persaraan sehingga umur 60 tahun dibuat melalui tawaran opsyen kepada semua pegawai tanpa apa-apa syarat. Ini bermakna, semua pegawai tetap yang sedang berkhidmat pada 1 Januari 2012 diberi opsyen atau pilihan sama ada untuk berkhidmat sehingga umur 60 tahun atau kekal pada umur persaraan yang dipilih sebelum ini sama ada 55 tahun, 56 tahun atau 58 tahun.

Walau bagaimanapun, pegawai yang telah memilih mana-mana umur persaraan tetapi mempunyai masalah kesihatan yang kritikal, boleh dibersarakan atas sebab kesihatan setelah diperakukan oleh Lembaga Perubatan berkenaan. Manakala pegawai yang mempunyai masalah disiplin boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga hukuman buang kerja sekiranya telah didapati bersalah. Mekanisme ini digunakan bagi memantau prestasi pegawai awam yang mempunyai masalah tersebut demi memastikan produktiviti terus meningkat dan imej perkhidmatan awam sentiasa terpelihara.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : 38

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan siapakah Kapten yang disebut dalam laporan Kementerian Pengangkutan 03/2014 yang memohon maklumat tentang pesawat MH370 pada jam 5.20 pagi pada 8 Mac 2014 dan beritahu MH370 *never left Malaysian airspace*.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Subang, berdasarkan kepada kenyataan dalam laporan Kementerian Pengangkutan 03/2014, perkara ini masih di dalam siasatan Pasukan Penyiasat Antarabangsa yang telah ditubuhkan dan satu laporan hasil siasatan akan diumumkan kelak.